



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 18 Mei 2023

DISEDIAKAN OLEH :
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

-Hrga lembu korban cecah RM1,100

-Bela lembu amat mencabar sekarang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	2

Harga lembu korban cecah RM1,100

DARI MUKA 1

Di Kuala Nerus, Terengganu, penternak, Abd. Mutalib Dzulkifli, 36, berkata, kenaikan harga lembu pada tahun ini tidak dapat dielakkan berikutan peningkatan kos operasi termasuk makanan haiwan.

"Kos makanan dan ubat-ubatan naik menyebabkan harga lembu saiz sederhana mencecah RM6,000 hingga RM6,500 seekor."

"Pada tahun lepas, seekor lembu masih boleh diperolehi pada harga RM4,500 atau RM5,000, tetapi tahun ini kami sudah tidak mampu lagi untuk menampung kos operasi."

"Ditambah pula dengan cuaca panas, haiwan ruminan ini perlu dijaga rapi bagi mengelak penyakit kuku dan mulut yang akhirnya (jika dijangkiti) akan merugikan penternak," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Masjid Bukit Tok Beng, Seberang Takir, Syed Abd. Hamid Syed Ali berkata, pembekal menaikkan harga lembu korban menyebabkan pihaknya tiada pilihan lain apabila menetapkan harga RM1,100 untuk satu bahagian.

Kos yang dikenakan itu adalah termasuk upah sembelih dan melapah haiwan.

Di Pontian, Johor, Pengerusi Persatuan Penternak Lembu dan Kambing Negeri Johor, Abd. Samad Samiran mengakui berlaku kenaikan harga haiwan korban di negeri ini tahun ini.



KOS penjagaan haiwan seperti makanan meningkat menyebabkan harga lembu korban naik pada tahun ini.

KIRI: Harga yang dikenakan adalah termasuk kos penyembelihan dan melapah haiwan.

Menurutnya, harga seekor lembu korban di Johor tahun ini mencecah sehingga RM6,000 berbanding RM4,500 pada tahun

lepas.

Penternak, Aliffi Abu Khairi, 33, pula memaklumkan, harga seekor lembu untuk tujuan ibadah korban tahun ini adalah RM5,000 ke atas.

"Sebelum ini lembu boleh didapati pada harga RM4,500 hingga RM4,700 seekor, tetapi pada tahun ini penternak sudah tidak mampu lagi untuk menampung kos kenaikan harga makanan lembu yang semakin tinggi ketika ini."

"Biasanya mereka (pembeli) memahami jika kami memberi penerangan tentang punca kenaikan harga lembu korban tahun ini," katanya.

Di Bangi, Selangor, Pengerusi Surau Al-Amin Seksyen 8, Abu Hassan Burok, 65, berkata, terdapat beberapa jenis lembu yang akan dikorbankan pada tahun ini dan harganya pula mencecah sehingga RM18,000 bergantung kepada saiz haiwan.

"Harga seekor lembu untuk tahun ini bermula RM6,000 sehingga RM18,000 seekor mengikut saiz."

"Kebanyakan lembu korban ini diimport oleh pihak ketiga dari luar negara iaitu Kemboja atau Thailand," katanya.

Tambah Abu Hassan, orang tengah memberi alasan kenaikan harga lembu adalah disebabkan kos yang semakin meningkat.

"Semua harga barang naik, kos operasi juga naik lebih-lebih lagi apabila melibatkan urusan eksport," katanya.

Bela lembu amat mencabar sekarang – Penternak

TUMPAT – Peningkatan kos operasi menyebabkan penternak di daerah ini tersepit apabila terpaksa menaikkan harga haiwan bagi ibadah korban tahun ini.

Penternak lembu dari Kampung Paloh, Pasir Pekan, Nur Mustaqim Zulbahrin, 26, berkata, menternak haiwan ketika ini begitu mencabar kerana dia hanya memberikan dedak memandang rumput di kawasan padang atau lapang kering ekoran cuaca panas melampau.

"Meskipun harga seguni dedak 50 kilogram (kg) meningkat daripada RM38 ke RM48 sejak dua bulan lalu, saya cuba untuk tidak menjual lembu atau bahagian korban terlalu mahal."

"Saya juga mahu beribadah semasa berniaga," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Nur Mustaqim bercadang untuk menumbangkan sebanyak 20 ekor lembu ternakannya bagi tujuan tersebut tahun ini.

"Harga yang ditetapkan bermula RM850 hingga RM950 untuk satu bahagian bergantung kepada saiz lembu."

"Harga lembu biasa adalah RM850 (satu bahagian) dan setiap peserta akan memperoleh antara 12 kg hingga 13 kg daging termasuk tulang dan juga organ dalaman."

"Saya turut menternak seekor lembu baka limousine seberat

lebih satu tan. Harga bagi satu bahagian lembu tersebut ialah RM950 dan peserta korban akan memperoleh 20 kg," katanya.

Menurut Nur Mustaqim, biarpun harga lembu korban naik pada tahun ini, lelaki itu bernasib baik kerana daripada penduduk kampung dan kenalan menunjukkan minat untuk menyertai ibadah korban.

"Ini menunjukkan bahawa masih ada yang mahu menyertai korban walaupun mereka terpaksa mengeluarkan belanja lebih asalkan berpuas hati dengan daging yang akan disedekahkan kepada golongan yang memerlukan," kata lelaki itu.



NUR MUSTAQIM meninjau lembu-lembu miliknya bagi memastikan haiwan itu sihat sebelum disembelih pada bulan hadapan.